

K'jaan Negeri sedia lulus permohonan UMS bina cawangan di Keningau

NST 10/09/2011 2

OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri bersedia meluluskan permohonan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membina sebuah lagi cawangan kampus universiti itu di Keningau.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, ia sebagai tambahan kepada kampus induk di Kota Kinabalu dan Kampus Antarabangsa di Labuan dan kampus cawangan di Sandakan.

“Selain kampus induk UMS di Kota Kinabalu yang tersergam indah, universiti juga ada cabang di Labuan dan Sandakan yang sekarang ini hampir siap, dan InsyaAllah kampus cawangan Keningau akan mula dibangunkan tidak lama lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji siswa siswi baharu UMS, di Dewan Canselor, di sini, kelmarin.

Ketika diminta oleh Ketua Menteri untuk memberi penjelasan lanjut mengenai perkara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampom berkata projek pembinaan kampus cawangan UMS Keningau itu dijangka dimulakan penghujung tahun ini.

“Tapak untuk tujuan itu memang ada lebih kurang 30 ekar di kawasan Api-Apin. Sekiranya semua berjalan lancar, pembinaan kampus cawangan Keningau dijangka dilaksanakan secepat mungkin.

“Kita mahu laksanakannya secepat mungkin ... apa nak tunggu lagi, kalau ada rezki kita laksanakan tahun ini,” kata Kamaruzaman.


Beliau berkata, sebagai permulaan,

kampus cawangan Keningau itu hanya menawarkan program asasi sains.

“Keningau satu kawasan yang tidak jauh dari Kota Kinabalu dan kita mahu kampus cawangan Keningau ini bukan sahaja menjadi pusat asasi sains tetapi juga pusat penyelidikan pertanian termasuk pemeliharaan kerbau dan kambing.

“Masalah kita sekarang ialah kekurangan pelajar bidang sains, kebanyakannya bidang sastera ... ia masih belum berjaya mencapai hasrat dan dasar semasa kerajaan (iaitu nisbah 60:40, iaitu 60 peratus pelajar sains, dan 40 peratus pelajar sastera (kemanusiaan),” katanya.

Beliau berkata UMS turut bercadang menjadikan Keningau sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian memandangkan kawasannya yang luas untuk aktiviti pertanian.



BERUCAP... Musa sedang menyampaikan ucapan pada majlis itu.